

Warga UMS-KAL perlu cemerlang dalam bidang akademik, kokurikulum

Kerja keras jika mahu berjaya

um 17/08/2011 30



KETUA Bahagian Keselamatan, Usamah Mat Desa (kiri) menerima Jalur Gemilang daripada Dr. Shariff Abdul Kadir Omang di Dewan Theatrette, Labuan, baru-baru ini. - UTUSAN/SITTI NOR AZIZAH TALATA

Oleh **SITTI NOR AZIZAH TALATA**
utusansabah@utusan.com.my

LABUAN 16 Ogos - Warga Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) disarankan sentiasa bekerja keras untuk mencapai kejayaan dan kecemerlangan dalam bidang akademik dan kokurikulum.

Pengarah UMS-KAL, Prof. Madya Dr. Shariff Abdul Kadir Omang berkata, hanya usaha yang berterusan akan memastikan pelajar, pensyarah dan kakitangan mencapai kejayaan serta kecemerlangan seperti yang diharapkan oleh pengurusan universiti.

Katanya, warga universiti perlu bekerjasama dan bergerak secara berpasukan agar nama UMS-KAL akan terus tercatat dalam arus pembangunan negara sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang memberi manfaat kepada pelajarinya.

Beliau menambah, pelajar dan masyarakat setempat terutama ibu bapa hanya mahu melihat kejayaan dan kecemerlangan dicipta UMS-KAL dalam bidang akademik dan kokurikulum sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

“Tugas dan tanggungjawab yang berat terus dipikul oleh pengurusan, pentadbir, pensyarah dan kakitangan sokongan untuk memastikan UMS-KAL mencapai kejayaan

dan kecemerlangan demi kebaikan pelajar dan masyarakat amnya,” katanya ketika berucap pada Majlis Amanat Pengarah Kampus 2011 di Dewan Theatrette di sini, baru-baru ini.

Pada majlis itu, beliau melancarkan Kempen Kibar Jalur Gemilang dan menyerahkan Jalur Gemilang kepada dekan dan ketua-ketua bahagian universiti berkenaan.

Shariff berkata, dalam tempoh dua tahun ini, banyak pencapaian dan pembangunan fizikal dicapai oleh UMS-KAL dan ia akan terus dilaksanakan pada masa akan datang.

Beliau turut menggariskan lima agenda asas yang perlu dilaksanakan untuk memperkasa UMS-KAL iaitu meletakkan akademik pada kedudukan yang sebenar, memartabat UMS sebagai universiti berinovasi, meningkatkan prestasi diri, meningkatkan kualiti kerja dan pantas bertindak.

“Untuk menghasilkan pelajar yang berkualiti, semua pihak khususnya pensyarah harus mengutamakan tugas utama mereka iaitu memberi ilmu yang secukupnya selain mereka sendiri perlu berintegriti dan berilmu,” ujarnya.

Katanya, masyarakat luar termasuk syarikat swasta dan penaja akan menilai kualiti pelajar yang dihasilkan UMS-KAL sebelum mereka menawarkan pekerjaan atau biasiswa kepada pelajar.